



**Kenyataan Media
Untuk Edaran Segera**

MDEC Mengumumkan Perlantikan Ketua Pegawai Kewangan Baharu yang Berpengalaman Selaras Dengan Misi 'Mencipta Semula'

- *Pakar kewangan terbaik diyakini akan menguruskan sumber kewangan organisasi untuk meningkatkan jangkauan dan impak kepada masyarakat dan industry.*
- *Ini merupakan perlantikan pengurusan kanan kedua dilaksanakan susulan 'penciptaan semula' MDEC untuk mengukuhkan agenda transformasi negara dengan pantas.*

Cyberjaya, 20 Januari 2020: Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) mengumumkan pelantikan **Nora Junita Dato' Seri Mohd Hussaini** sebagai **Ketua Pegawai Kewangannya** yang baharu berkuatkuasa serta-merta. Nora Junita berpengalaman lebih sedekad dalam pengurusan korporat melibatkan aspek penggabungan dan pengambilalihan (M&A), pemulihan perniagaan dan pengurusan khususnya dalam industri telekomunikasi. Beliau juga merupakan pakar kewangan profesional yang pernah berkhidmat di United Kingdom, Malaysia dan Bangladesh.

Perlantikan terbaharu ini merupakan yang kedua dilaksanakan MDEC pada tahun ini dalam usaha membentuk organisasi berprestasi dan berimpak tinggi. MDEC turut memperkenalkan Metrik Penilaian Input, Output, Outcome, Impact (IOOI) bertujuan memberi panduan berhubung penggunaan sumber organisasi secara berkesan untuk menyumbang kepada sosial dan ekonomi masyarakat.

Bagi menyokong perubahan ini, Nora Junita akan memainkan peranan dalam aspek perniagaan strategik dan pengurusan kewangan dengan memastikan selari dengan objektif MDEC. Beliau akan bekerjasama dengan Majlis Operasi MDEC untuk mencapai matlamat pertumbuhan jangka panjang yang berterusan sekaligus memberi kesan terhadap keberkesanan operasi agensi.

" Saya bersemangat mengenai masa depan ekonomi digital Malaysia. Barisan kepimpinan kanan baharu yang menyertai MDEC secocok dengan agenda 'Mencipta Semula' organisasi untuk mempercepatkan lonjakan digital negara bagi merangkul teknologi Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) yang akan membolehkan rakyat memanfaatkan teknologi ini untuk kehidupan yang lebih baik dan menuju ke arah kemakmuran bersama.

Saya sangat gembira apabila Nora Junita menjadi sebahagian daripada pasukan kami. Beliau memiliki prestasi baik dalam pengurusan kewangan serta kemampuan yang diperlukan untuk mentadbir sumber kewangan organisasi melibatkan aspek perancangan strategi hingga pelaksanaan berdasarkan pengalamannya termasuk bertugas di luar negara. Ini pastinya menjadi nilai tambah yang diperlukan oleh MDEC untuk memenuhi visi digital negara secara



progresif dan dinilai dengan baik,” kata **Pengerusi MDEC, Datuk Wira Dr. Hj. Rais Hussin Mohamed Ariff.**

Nora Junita juga merupakan Felo Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales serta ahli Institut Akauntan Malaysia. Pengalaman dimiliki oleh beliau turut merangkumi sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat berhad swasta dan ahli Institut Pengarah Korporat Malaysia dan *Lead Women*.

“MDEC akan terus memimpin ekonomi digital Malaysia ke hadapan dengan memanfaatkan sumbangan oleh pasukan yang berkemampuan dan bertenaga. Nora Junita merupakan seorang pemimpin pragmatik kerana mempunyai kepatuhan integriti yang tinggi. Saya sangat berharap beliau akan dapat merekayasa semula Bahagian Kewangan untuk memudahkan usaha MDEC dalam mempercepat sumbangan ekonomi digital kepada pelbagai golongan dan bergerak ke arah Malaysia 5.0,” tambah beliau.

Bersandarkan pengalaman luas dan rekod prestasi cemerlang melibatkan rancangan kewangan dan perniagaan, strategi untuk permulaan e-dagang serta syarikat kejuruteraan, profilnya diperkukuhkan dengan memberikan khidmat nasihat kepada pemain telekomunikasi atas kapasitinya sebagai Ketua Pegawai Kewangan. Nora Junita juga pernah memimpin bahagian kewangan di Webe Digital Sdn. Bhd. yang berada di bawah Telekom Malaysia Berhad, selain memimpin bahagian kewangan di Packet One Networks Malaysia Sdn. Bhd. dan Kumpulan Axiata Berhad.

" Saya berasa sangat teruja untuk menjadi sebahagian daripada pasukan MDEC yang berusaha tanpa jemu untuk memajukan ekonomi digital Malaysia ke hadapan dan teguh untuk menjadikan Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN. Saya berharap kita dapat bersama -sama meningkatkan keupayaan MDEC untuk mengatasi cabaran serta mendapatkan hasil terbaik," katanya.

Nora Junita akan bekerjasama rapat dengan Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Pn. Surina Shukri dan pemimpin di empat bidang strategi utama iaitu Perniagaan Digital, Pelaburan Digital, Bakat Digital dan MDEC Digital untuk mendorong jangkauan digital berimpak tinggi.

"Saya mengalu-alukan kehadiran Nora Junita dan gembira kerana dapat memulakan tahun ini bersama bakat luar biasa yang senada dengan langkah 'penciptaan semula' MDEC untuk memimpin ekonomi digital menghadapi IR 4.0. MDEC berharap dapat memanfaatkan kepakarannya dalam bidang strategi, kewangan dan pemacu perubahan pengurusan pada ketika agensi ini melangkah untuk merealisasikan visi MDEC melahirkan masyarakat yang mahir digital dan seterusnya berkongsi manfaat Wawasan Kemakmuran Bersama," kata Surina.

-END-

Mengenai Malaysia Digital Economy Digital Corporation (MDEC)



Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) merupakan agensi kerajaan di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) yang diberi kepercayaan untuk meneraju ekonomi digital Malaysia untuk masa depan. Ditubuhkan pada 1996 untuk mengawalselia perkembangan inisiatif MSC Malaysia, mandat utama MDEC hari ini adalah untuk mempercepat pertumbuhan rakyat Malaysia yang mahir secara digital, perniagaan bertenaga digital dan menarik pelaburan digital ke Malaysia. MDEC fokus untuk mewujudkan pertumbuhan inklusif dan berkualiti tinggi melalui inisiatif digitalisasi di seluruh negara yang sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama Kerajaan 2030 dan dengan memantapkan Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN.

#KitaBinaBersama #MemacuEkonomiDigitalMalaysiaKeHadpan

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai inisiatif Ekonomi Digital MDEC, sila kunjungi kami di <https://mdec.my/> atau ikuti kami di:

Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/>

Twitter: [@mymdec](https://twitter.com/mymdec)